

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR  
BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah kerajaan bagi membantu golongan bekerja sendiri terutamanya di Kawasan luar bandar yang kehilangan pekerjaan atau sumber pendapatan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penularan COVID-19 di mana mereka tidak dilindungi di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan sememangnya amat prihatin dengan kesulitan yang dihadapi oleh golongan yang telah kehilangan atau kekurangan pendapatan akibat Perintah Kawalan Pergerakan dan penularan wabak COVID-19, termasuk bagi mereka yang bekerja sendiri di luar bandar dan tidak dilindungi di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

Pihak Kerajaan telah melancarkan pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) berjumlah RM295 bilion yang mempunyai pelbagai inisiatif bagi membantu mereka yang terkesan. Dalam konteks ini, Kerajaan menerusi pakej-pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan, telah mengambil pendekatan

secara langsung menangani isu pendapatan terjejas, antaranya seperti berikut:

1. Meringankan beban kewangan yang golongan terjejas pendapatan melalui inisiatif seperti:

- a. Bantuan tunai secara *one-off* dengan nilai diantara RM500 hingga RM1,600 melalui Bantuan Prihatin Nasional;
- b. Moratorium 6 bulan pembayaran balik pinjaman daripada semua bank di Malaysia; dan
- c. Bantuan khidmat nasihat kewangan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Bank Negara Malaysia.

2. Meringankan beban kewangan golongan yang berniaga kecil-kecilan yang terjejas pendapatan melalui insentif seperti:

- a. Bantuan tunai secara *one-off* dengan nilai RM3,000 melalui Geran Khas Prihatin;
- b. Moratorium 6 bulan pembayaran balik pinjaman daripada semua bank di Malaysia;
- c. Pinjaman pada kadar 0% melalui Skim Pembiayaan Kredit Mikro BSN dan TEKUN di bawah PRIHATIN; dan
- d. Mewujudkan peluang kerja bagi kontraktor kecil melalui projek-projek kecil di seluruh negara.

3. Merangsang permintaan pekerjaan di kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehpekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan melalui inisiatif berikut:

- a. Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan (PenjanaKerjaya);

- b. Menaik taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara bagi memperkukuh portal pekerjaan dan padanan kerja serta bekerjasama dengan portal pekerjaan swasta untuk padanan kerja; dan
- c. Program kemahiran dan peningkatan kemahiran.

Selain itu, Kerajaan telah memperkenalkan Program PenjanaGig di bawah PENJANA bertujuan untuk memberi keselamatan sosial kepada Orang Berkerja Sendiri (OKB) yang terlibat dalam pekerjaan ekonomi gig. Melalui program ini, Kerajaan akan menyumbang 70% kepada caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSP), PERKESO di bawah pelan 2 iaitu pelan RM232.80 untuk tempoh perlindungan sekurang-kurangnya setahun. Baki, 30% lagi akan dibayar oleh Platform Penyedia Perkhidmatan.

Kementerian Kewangan juga pada masa ini sedang mengkaji keberkesanan inisiatif-inisiatif yang telah diumumkan dan akan memperkenalkan langkah-langkah penambahbaikan segera bagi memastikan golongan sasaran yang terkesan dapat dibantu dengan lebih cekap dan berkesan. Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan dan dipertanggungjawabkan untuk tujuan ini. Sekian, terima kasih.